

08 JUL 1997

## NEW ZEALAND DIGESA MANFAATKAN PASARAN PENYIARAN ASIA PASIFIK

Oleh: Azman Hashim

AUCKLAND, 8 Julai (Bernama) -- Malaysia hari ini menggesa stesen-stesen penyiaran New Zealand membentuk kerjasama strategik dengan pengusaha-pengusaha penyiaran di Malaysia untuk memanfaatkan kelebihan penduduk berjumlah tiga bilion di rantau Asia-Pasifik.

Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat berkata, Malaysia ingin melihat kerjasama erat di kalangan pengusaha-pengusaha yang hampir dengan persekitaran Asia dengan menggunakan kemahiran ala-Hollywood.

"Ia akan menghasilkan program buatan Malaysia yang boleh menarik perhatian penonton di seluruh Asia Pasifik," katanya ketika berucap di majlis makan tengah hari yang dianjurkan oleh Majlis Perniagaan New Zealand-Malaysia Bahagian Utara (NZMBC) di sini sempena dengan lawatan rasmi beliau selama lima hari ke negara ini.

Mohamed berkata, pengusaha-pengusaha industri penyiaran Malaysia dan New Zealand sepatutnya meletakkan diri mereka dalam kedudukan strategik dan memahami keperluan khusus serta kecenderungan pasaran Asia Pasifik untuk memperolehi faedah daripada kerjasama itu.

Menurutnya, Malaysia mengiktiraf program yang kreatif, berinovasi dan berkualiti tinggi kerana ia boleh membantu pengusaha tempatan meningkatkan diri mereka dalam industri penyiaran.

Mohamed berkata, Kerajaan Malaysia akan berusaha keras menyediakan segala kemudahan bagi memastikan kejayaan kerjasama itu ketika negara ini bergerak ke era baru dalam dunia komunikasi penyiaran.

Menurutnya, dalam konteks ini, kerajaan akan menyemak semula keseluruhan rangka kerja kawal selia untuk menggalakkan kreativiti tanpa kompromi dalam nilai-nilai dan tradisi masyarakat serta yang diterima oleh standard antarabangsa.

"Kami telah meminda Akta Penyiaran dan memperkenalkan Akta Pemusatan Multimedia tidak lama lagi pada tahun ini, untuk menyesuaikan dengan perubahan dan kemajuan dalam teknologi penyiaran.

"Selain itu, undang-undang lain yang turut dalam perancangan, akan membolehkan kita menggunakan teknologi maklumat untuk menyampaikan nilai dengan cara baru seperti pembelajaran jarak jauh dan kerajaan maklumat yang menjadi satu daripada aplikasi utama dalam Koridor Raya Multimedia (MSC)," tambahnya.

Mohamed berkata hubungan perniagaan dan perdagangan antara Malaysia dan New Zealand berjalan lancar dan dijangka semakin berkembang dalam waktu yang terdekat ini.

Menurutnya, New Zealand kini adalah pasaran terbesar dalam rantau Asia Tenggara.

"Tahun lalu, jumlah dagangan antara kedua-dua negara berjumlah sehingga AS\$610 juta (RM1,524 juta) yang merangkumi kira-kira 0.4 peratus daripada keseluruhan dagangan Malaysia," tambahnya.

Beliau berkata perkembangan pesat ekonomi dan perdagangan Malaysia didorong oleh usaha keras Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ditambah dengan kestabilan politik negara serta keupayaan rakyat menerima perubahan dan kerjasama antara satu sama lain.

"Kita berharap agar Perdana Menteri akan terus menerajui kita hingga ke alaf yang akan datang kerana rakyat masih memerlukan kepimpinannya. Rakyat Malaysia juga bersedia memberikan kerjasama sepenuhnya untuk mencapai wawasan menjadi negara membangun menjelang tahun 2020," tambahnya. --

BERNAMA

AH ZK/sia